

KPDNHEP senarai 17 barangan kawalan sempena krismas

06:10pm 23/12/2019 , Oleh Mohd Nazllie Zainul



Georgie menunjukkan salah satu barangan kawalan yang tersenarai sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di Kota Kinabalu. – Gambar SNT/Mohd Nazllie Zainul

KOTA KINABALU: Sebanyak 17 barangan keperluan harian disenaraikan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 bagi negeri ini.

Antara barangan berkenaan iaitu ayam hidup, kepak ayam, ayam belanda import, tomato, cili merah, ubi kentang import (China), lada benggala hijau, daging khinzir (perut) dan daging khinzir (daging dan lemak).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Georgie Abas berkata skim kawalan harga terbabit dilaksanakan selama 10 hari bermula 22 sehingga 31 Disember ini.

Beliau berkata jangka masa pelaksanaan skim berkenaan dilaksanakan tiga hari sebelum perayaan, ketika perayaan dan enam hari selepas sambutan Krismas berbanding lima hari pelaksanaan sebelum ini.

"Hal ini bagi memastikan semua pengguna mampu membeli barangan keperluan dapur pada harga lebih murah khususnya ketika musim perayaan.

"Kerajaan amat perihatin berkaitan keperluan rakyat. Oleh itu, salah satu usaha kerajaan adalah menurunkan harga pada setiap sambutan perayaan utama," katanya ketika sidang media selepas Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di sini, hari ini.

Georgie berkata memasuki dua hari pelaksanaan, pihaknya belum menerima sebarang aduan malah pemeriksaan dijalankan di beberapa premis mendapati semua peniaga mematuhi skim harga yang ditetapkan kementerian.

"Kita berharap semua peniaga akan teruskan etika seumpama ni dan memastikan harga barang dijual mengikut yang ditetapkan.

"Kita gembira sekiranya peniaga menjual barangan kawalan ini pada harga lebih murah dari harga maksimum.

"Bagaimanapun KPDNHEP Sabah akan mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang didapati melakukan penipuan atau menjual barang kawalan dengan harga lebih mahal," katanya.

Dalam pada itu, Georgie berkata individu yang menjual barangan harga kawala melebihi harga maksimum ditetapkan boleh didenda sehingga RM100,000 oleh mahkamah atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau kompaun hingga RM50,000.

Menurut beliau, syarikat yang melakukan kesalahan sama boleh didenda hingga RM500,000 atau kompaun sehingga RM250,000.

Katanya peniaga yang gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal boleh dikenakan denda mahkamah sehingga RM10,000 atau kompaun hingga RM5,000 manakala pihak syarikat pula boleh didenda hingga RM20,000 atau dikompaun hingga RM10,000. – SabahNewsToday



Georgie meletakkan tanda harga berwarna merah jambu pada salah barangan kawalan di pasar raya Everrise, Imago Kota Kinabalu. – Gambar SNT/Mohd Nazllie Zainul